

24/02/1997

Kertas kerja Malaysia dalam sidang ANC

KLUANG, Ahad - Kertas kerja mengenai pengalaman Malaysia dalam pelbagai bidang, termasuk politik dan sosial, akan dibentangkan di satu persidangan anjuran Kongres Kebangsaan Afrika (ANC) di negara itu, hari ini.

Kertas kerja itu akan dibentangkan Naib Ketua Pergerakan Pemuda Umno Malaysia, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, di persidangan berkenaan yang mencakupi pelbagai bidang berdasarkan pengalaman negara menangani beberapa isu penting, termasuk Peristiwa 13 Mei 1969.

"Kepimpinan ANC amat tertarik dengan kejayaan serta keupayaan Malaysia menangani isu berkenaan dan pada dasarnya, mereka bercadang untuk mencontohi langkah yang dilakukan negara ini menyelesaikan masalah dihadapi.

"Ketika berada di negara berkenaan, saya juga akan mengadakan pertemuan dengan Presiden Afrika Selatan, Nelson Mandela, bagi mengemaskinikan Perjanjian Persefahaman (MOU) yang akan ditandatangani di antara Pemuda Umno bersama ANC Youth Council, Mac ini." katanya.

Hishamuddin berkata demikian kepada pemberita ketika menghadiri majlis Rumah Terbuka anjuran Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Hal Ehwal Wanita dan Kebajikan Masyarakat negeri, Halimah Mohamad Sadique, sebelum berlepas ke Afrika Selatan, di sini, semalam.

Beliau yang juga Ketua Perhubungan Umno Johor berkata, MOU berkenaan yang pernah dirundingkan di peringkat Ahli Majlis Hal Ehwal Antarabangsa Pemuda Umno, akan ditandatangani di Langkawi pada 8 Mac ini.

Katanya, Presiden Afrika Selatan itu dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan menyaksikan majlis itu.

(END)